

Kerajaan perlu timbangkan cadangan penubuhan pusat itu - Sultan Selangor

# Tubuh Pusat Sekuriti Makanan di UPM

Oleh TERMIZI CHE ANUAR

pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 27 Okt. - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, kerajaan perlu menimbaangkan cadangan penubuhan Pusat Sekuriti Makanan di Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi memperkasakan universiti itu sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, penyelidikan serta perkhidmatan pertanian dan bio sumber tropika.

Baginda juga menyifatkan penubuhan entiti tersebut adalah bagi melestarikan Strategi Lautan Biru Kebangsaan iaitu secara kerjasama dengan agensi lain terutamanya di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pendidikan.

“Sebagaimana yang kita sedia maklum, sektor pertanian negara kini menghadapi isu produktiviti yang rendah akibat kurangnya penggunaan amalan teknologi terkini dan amalan pertanian yang tidak berfokus kepada agenda komersial.

Justeru, UPM mempunyai peranan secara langsung bagi meningkatkan sekuriti makanan, terutamanya daripada segi pembangunan sumber manusia, pembekalan dan pemindahan teknologi sama ada di negara atau di peringkat serantau,” titahnya.

Baginda yang juga Canselor UPM bertitah demikian dalam majlis



Pertanian bandaran yang diketengahkan oleh universiti turut melibatkan aktiviti dalam bidang perhutanan, sains makanan, sains veterinar, teknologi halal dan bio sumber yang relevan dengan kawasan bandar dan pinggir bandar

**SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH**  
Sultan Selangor

Konvoesyen UPM Ke-37 di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM, Serdang dekat sini hari ini.

Baginda juga amat tertarik dengan fenomena baharu dalam sektor pertanian iaitu Pertanian Bandaran yang dapat mendokong sekuriti makanan negara.

Titah baginda, pertanian bandaran yang dimaksudkan adalah se-

bagai aktiviti menghasil, memproses dan memasarkan makanan dan produk pertanian di dalam kawasan bandar dan pinggir bandar menggunakan kaedah pengeluaran intensif, menggunakan (semula) sumber asli dan sisa buangan bandar untuk menghasilkan kepelbagaian tanaman dan ternakan.

“Pertanian bandaran yang diketengahkan oleh universiti turut melibatkan aktiviti dalam bidang perhutanan, sains makanan, sains veterinar, teknologi halal dan bio sumber yang relevan dengan kawasan bandar dan pinggir bandar,” titah baginda.

Titah baginda lagi, difahamkan bahawa UPM kini menerajui dua projek penyelidikan sekuriti makanan di bawah Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang yang bertajuk *Enhancing Sustainable Rice Production Through Innovative Research* dan Projek yang kedua bertajuk *Enhancing the Competitiveness and Sustainability of Poultry Industry for Food Security through Improved Feedstock* dengan jumlah geran sebanyak RM21.7 juta.

“Hasilnya dijangka dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan bidang dan makanan ternakan berkualiti tinggi berdasarkan bahan sisa pertanian tempatan.

“Ini juga dapat mengurangkan import bahan makanan ternakan sebanyak RM40 juta dan juga penurunan kos pengeluaran ayam sebanyak 22 peratus,” titahnya.



**SULTAN** Sharafuddin Idris Shah mengurniakan Anugerah Profesor Emeritus kepada Prof. Dr. Khor Geok Lin (gambar kecil) pada majlis Konvoesyen Universiti Putra Malaysia Ke-37 di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di UPM, Serdang, semalam.